

PENGLIBATAN MUSTAFA HAJI HUSAIN
DALAM PERGERAKAN KESATUAN MELAYU MUDA
1938-1945

LATIHAN ILMIAH
UNTUK MEMENUHI SYARAT KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA MUDA
BAHAGIAN SEJARAH

OLEH,

MUHAMAD HALIL ISMAIL

I) Sebelum Pendudukan Jepun.

II) Semasa Pendudukan Jepun.

III) Selepas Pendudukan Jepun.

Kesimpulan.

Bibliografi.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

Sessi 1981/1982

KANDUNGAN

<u>Bil.</u>		<u>Halaman.</u>
1.	Prakata	i.
2.	Kependekan	ii.
3.	Pendahuluan	iii.
4.	BAB I : Kebangkitan Nasionalisma Melayu Sebelum Perang Dunia Ke-2.	1.
5.	BAB II : Biografi Mustafa Haji Husain, Pendidikan Awal dan Keluarganya.	12.
6.	BAB III : Timbulnya Kesedaran Nasionalisma Ber- politik.	22.
7.	BAB IV : Mustafa Haji Husain Dalam Pergerakan Kesatuan Melayu Muda (KMM). I) Sebelum Pendudukan Jepun. II) Semasa Pendudukan Jepun. III) Selepas Pendudukan Jepun.	39. 56. 67. 93.
8.	Kesimpulan.	99.
9.	Bibliografi; 1) Buku Rujukan	103.
	2) Journal dan Akhbar	106.
10.	Senarai Temuramah.	108.
11.	Keterangan Lampiran :	110.
	Lampiran A	i.
	Lampiran B	ii.
	Lampiran C	iii.
	Lampiran D	iv .

PRAKATA

Bersyukur penulis kepada Allah Subhanahu Wataala kerana telah dapat menyempurna dan menyiapkan kajian ringkas ini, sebagai memenuhi syarat keperluan ijazah di universiti ini sepertimana yang ditetapkan. Dalam menyempurnakan kajian tersebut, penulis mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih terutamanya kepada Encik Fadhlullah Jamil sebagai penyelia bagi kajian ini, yang banyak memberikan sumbangan dan bantuan dalam bentuk tunjukajar, panduan serta galakan kepada penulis sehingga dapat menyudahkan kajian tersebut.

Di samping itu, tidak lupa juga penulis melahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak dan individu yang turut memberikan sumbangan dan kerjasama dalam usaha menyempurnakan kajian yang tidak seperti ini. Sehubungan dengan itu pula, penulis tidak lupa untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih terutamanya kepada pihak Arkib Negara, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa Dan Pustaka dan lain-lainnya, yang telah memberikan kerjasama serta bantuan kepada penulis semasa menjalankan kajian dan penyelidikan itu.

Dari kerjasama, sokongan, bantuan serta sumbangan yang diberikan itu, menjadi dorongan dan aspirasi kepada penulis ke arah menghasilkan kajian yang ringkas ini.

Wassalam.

KEPENDEKAN.

1. A.P.I. - Angkatan Pemuda Insaf.
2. A.W.A.S. - Angkatan Wanita Sedar.
3. B.P.K.M.M. - Barisan Pemuda Kesatuan Melayu Muda.
4. K.M.M. - Kesatuan Melayu Muda.
5. K.R.I.S. - Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung.
6. M.P.S.I. - Maktab Perguruan Sultan Idris.
7. M.P.A.J.A. - Malayan People's Anti-Japanese Army.
8. M.P.A.J.U. - Malayan People's Anti-Japanese Union.
9. P.E.T.A. - Pembela Tanah Air.
10. P.K.M. - Parti Komunis Malaya.
11. P.N.I. - Parti Nasional Indonesia.
12. P.M.P. - Persatuan Melayu Perak.
13. P.K.M.M. - Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

PENDAHULUAN

Umumnya sejarah perjuangan nasionalisma dan kesedaran terhadap mempertahankan hak kedaulatan, kebebasan serta kepentingan nusa dan bangsa merupakan satu fenomena yang telah wujud sejak adanya manusia yang menghuni di muka bumi ini. Timbulnya kesedaran dan perjuangan seumpama ini, adalah akibat daripada tekanan atau cengkaman dari pihak penjajah atau kuasa luar yang menghalang kebebasan dan hak kepentingan mereka. Dari kebangkitan semangat nasionalisma ini, lahirlah beberapa orang pejuang nasionalis yang turut memperjuangkan ke arah kebebasan dan kemerdekaan tanahair.

Dalam perjuangan tersebut, para nasionalis sering mendapat berbagai cabaran, halangan dan rintangan dari pihak penjajah mahupun golongan atasan yang mahu mempertahankan status-quo dan kepentingan masing-masing. Di Tanah Melayu, kesedaran nasionalisma telah lahir pada permulaan tahun 20 an, pergerakan awal ini agak kurang jelas, samada dari segi organisasi, ideologi, kepimpinan mahupun keanggotaannya. Tetapi dalam tahun-tahun 30 an, pergerakan ini lebih jelas lagi, ini berikutan dengan kemunculan beberapa buah pertubuhan atau persatuan Melayu di tiap negeri. Di antaranya termasuklah Persatuan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor, Melaka, Pahang dan sebagainya. Kemudian barulah pula muncul sebuah organisasi yang bercorak politik awal di Tanah Melayu, sebelum Perang Dunia Ke-2. Ini dapat didasarkan kepada pembentukan sebuah organisasi politik pada tahun 1938, yang dikenali sebagai Kesatuan Melayu Muda atau KMM bersifat kekirian dan menentang dasar kolonialisma.

Dengan kemunculan KMM ini, merupakan sebagai kemuncak ke-

sedaran nasionalisma politik di kalangan para nasionalis Melayu sebelum tahun 40 an. Di samping itu pula, ianya merupakan titik-tolak penting dalam sejarah pergolakan politik Melayu awal menjadi sebagai landasan kepada perjuangan kemerdekaan tanahair kemudiannya.

Dalam kajian ini, penulis membahagikan kepada empat bahagian atau bab. Bagi bab I, penulis membicारा dan menyentuh tentang sejarah kebangkitan semangat nasionalisma Melayu sebelum Perang Dunia Ke-2. Di samping itu pula, melihat sejauh manakah kesan reaksi dari kemunculan kesedaran tersebut kepada perjuangan politik nasionalis tanahair, yang mendorong kepada penglibatan secara langsung dalam pergerakan politik sebelum tahun 40 an.

Dalam bab 2 pula, penulis menyorot kembali secara dekat kepada pengenalan seorang tokoh KMM iaitu Mustafa Hj. Husain, sebagai Naib Presiden KMM. Ianya menyentuh tentang latarbelakang biografi tokoh, pendidikan awal, keluarga serta pekerjaannya setelah tamat dari persekolahannya. Selain daripada itu, secara tidak langsung cuba menyingkap sepintas lalu tentang latar kisah perkembangan yang sedikit sebanyak mempengaruhi terhadap jiwa dan pemikirannya.

Seterusnya dalam bab 3, penulis cuba menyentuh serta mengungkap sepintas lalu, tentang bagaimana timbulnya kesedaran nasionalisma berpolitik dan faktor-faktor yang secara tidak langsung turut mempengaruhi serta meningkatkan kesedaran tersebut. Melalui bab ini juga, sekurang-kurangnya dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran mengenai keadaan perekonomian dan penghidupan orang-orang Melayu pada ketika itu khususnya sebelum Perang Dunia Ke-2.

Dalam bab 4 pula, penulis telah membahagikan bab ini kepada tiga bahagian. Secara umum, dalam bab ini, penulis membicारा secara ringkas tentang peranan dan keterlibatan Mustafa Hj. Husain dalam pergerakan Kesatuan Melayu Muda. Sehubungan dengan itu, ia nya menyentuh sepintas lalu mengenai organisasi KMM, dasar dan matlamat perjuangannya serta bagaimana pergerakan atau perkembangan organisasi pertubuhan ini selepas pembentukannya pada tahun 1938. Perbincangan ini diluaskan lagi dengan meneliti sejauh manakah keterlibatan Mustafa dalam KMM ini dengan membahagikan kepada tiga tahap penting iaitu ;

- 1) Sebelum Pendudukan Jepun.
- 2) Semasa Pendudukan Jepun dan
- 3) Selepas Pendudukan Jepun.

Seterusnya dalam bahagian akhir kajian ini, penulis membuat rumusan serta penilaian tentang setakat manakah peranan dan kepentingan Mustafa dalam pergerakan KMM itu. Di samping cuba meneliti apakah penglibatannya dalam KMM itu, dapat disifatkan sebagai titik-tolak penting dalam sejarah perjuangan politik Melayu awal sebelum Perang Dunia Ke-2.

PAB I

KEBANGKITAN NASIONALISMA MELAYU SEBELUM PERANG DUNIA KE-2.

Konsep nasionalisma tidak statik berdasarkan kepada beberapa pandangan sejarawan. Menurut Romein J. dalam bukunya, 'Asian Century', nasionalisma itu adalah sebagai gerakan yang meluap di sesebuah negeri atau satu kumpulan rakyat di tengah-tengah penduduk guna mencapai kemerdekaan politik, ekonomi, sosial dan lainnya. Selanjutnya bagi Walter Theimer pula dalam bukunya, 'Encyclopedia of World Politics', menganggapkan bahawa ianya sebagai suatu sentimen kepuakan (group sentiment) yang diasaskan atas ciri-ciri bangsa, terutamanya, bahasa dan kebudayaan dengan kecenderungan menekankan perbezaan antara satu bangsa dengan yang lain.

Selain dari itu, nasionalisma juga berpunca dari hasrat untuk mencapai keperibadian sesebuah negara, penentangan terhadap pencerobohan dari pihak luar, bahasa kebangsaan, sempadan dan lambang untuk menyatupadukan masyarakat. Justeru itu, nasionalisma dapat disifatkan sebagai, ' satu hasrat, sentimen atau perasaan di kalangan satu masyarakat yang hidup dalam satu wilayah tertentu.'¹

Perkembangan nasionalisma bukanlah satu perkara

¹. Ongkili, James P., 'Perkembangan Nasionalisma', dalam Journal Jebat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil.I, 1971/72, hal. 27.

baru di rantau ini. Ianya telah wujud sejak pertengahan abad ke- 19 lagi, tidak secara nyata menentang penjajah. Adalah jelas menunjukkan bahawa kemuncak kesedaran itu berlaku pada abad ke- 20. Umumnya, ' pengaruh luar memainkan peranan penting seperti perkembangan dan gerakan 'reformist' yang berlaku di Timur Tengah, kemenangan Jepun menentang Russia, perjuangan revolusi menentang Belanda di Indonesia dan lainnya.' ²

Dalam konteks ini, kemunculan semangat nasionalisma Melayu bermula setelah menyedari akan tekanan ekonomi terhadap orang Melayu, hasil persaingan dari orang asing yang mengeksploitasikan sumber kekayaan negara ini. Keadaan ini ditambah pula dengan berlakunya zaman meleset serta tekanan desakan hidup yang dialami oleh orang Melayu sendiri.

' kebangkitan semangat nasionalisma Melayu sebelum perang, bertolak dari sebab-sebab tekanan ekonomi akibat persaingan dengan orang asing. Ini diikuti pula dengan tuntutan dari masyarakat bukan Melayu.' ³

Di samping itu, kedatangan orang asing yang mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu mengancam kepentingan mereka sebagai Pribumi. Ini lebih ketara lagi bila terdapatnya ,

². Agasta, I.K., Sejarah Dan Perjuangan Di Malaya, Nusantara, Jogjakarta, 1950, hal.57.

³. Ratnam, K.J., Communalism and The Political Process in Malaya, Utusan Melayu Press, Kuala Lumpur, 1965,hal.14.

' tuntutan orang bukan Melayu pimpinan Lim Cheng Yan dan Tan Cheng Lock yang memperjuangkan ' Malaya untuk Malayan.' ⁴

Sehubungan dengan tuntutan itu, telah membawa berbagai kesan reaksi dan menimbulkan semacam, ' kekacauan politik ' di mana masyarakat Melayu telah sedar akan kedudukannya, maka perasaan terpendam di antara kaum mulai timbul.' ⁵ Kesedaran semangat nasionalisma turut berkembang subur dengan kemunculan golongan reformis Islam dalam masyarakat Melayu pada awal abad ke-20. Ini adalah lebih jelas bila terdapatnya ;

'gerakan pembaharuan 'reformist' ini telah dipelopori oleh Syed Sheikh Al-Hadi dalam tahun 1904.' ⁶

Sebenarnya, gerakan tersebut telah mendapat pengaruh dari gerakan pembaharuan Islam 'Pan Islamisma' yang dipelopori oleh Sheikh Muhammad Abduh, Syed Jamaluddin Al-Afghani pada akhir abad ke-19 di Timur Tengah. Dalam hal ini ;

'para pelajar Melayu yang mendapat pendidikan Islam di Mesir itu telah terpengaruh dengan ide gerakan pembaharuan yang dipelopori oleh kedua orang tokoh itu.' ⁷

4. Emerson, R., Malaysia- A Study in Direct and Indirect Rule, Kuala Lumpur, 1964, hal.513.

5. Emerson, R., Ibid., hal.390.

6. Radin Soenarno, ' Malay Nationalism', 1896-1941, dalam Journal of Southeast Asian History, Vol.I, No.I, Mac, 1961, hal. 6.

7. Amat Johari Moain, Sejarah Nasionalisma Maphilindo, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1969, hal.161.

Sekembalinya mereka ke tanahair telah membawa bersama ide pemikiran dan pandangan terhadap konsep Islam yang sebenarnya. Segala pemikiran dan pandangan mereka itu dimuatkan ke dalam majalah atau akhbar sebagai media yang berperanan sekali. Ini termasuklah majalah Seruan Azhar, Pilihan Timur, Semangat Islam dan sebagainya yang menjadi medan penulisan mereka semasa berada di luar negeri. Selain daripada itu, terdapat juga tulisan mereka dalam majalah atau akhbar seperti Al-Imam dalam tahun 1906-1908 di Singapura, Al-Ikhwan, Saudara, Neraca dan lainnya. Ide yang disarankan dalam majalah atau akhbar itu lebih menekankan kepada perubahan sikap yakni dari perasaan tidak peduli kepada kesedaran bersatu-padu di kalangan orang Melayu. Di samping itu, ia juga menekankan kepada ;

'penelitian ajaran Islam yang sewajarnya kerana sudah dibuktikan bahawa hanya agama lah yang dapat mengubati penyakit Melayu.'⁸

Adalah dianggapkan bahawa ide pemikiran dan pandangan golongan reformis ini tersibar meluas di kalangan guru-guru sekolah agama, para pelajar yang menuntut di Timur Tengah mahupun di kalangan individu yang berasal dari Sumatera, Arab dan sebagainya.

8. Roff, W.R., The Origin of Malay Nationalism, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967, hal.56.

'semenjak tahun 1926 hinggalah ke kancah Perang Dunia Ke-2, Ulamak dalam Tanah Melayu telah bangun bertindak. Ulamak ini terdiri dari Ulamak Muda yang menerima pendidikan dari universiti dan institusi pengajian tinggi di Mekah, Mesir dan lainnya.'⁹

Dalam konteks ini, jelas tergambar bahawa terdapatnya pertentangan dan konflik di antara golongan reformis yang menyasarkan pemikiran dan pandangan yang lebih membina dan positif terhadap konsep Islam sebenarnya. Berbanding dengan golongan yang berfahaman konservatif itu sendiri. Justeru itu gejala dari ;

'konflik yang berlaku itutelah menyebabkan perpecahan berlaku di kalangan orang Melayu kepada dua golongan iaitu kaum Muda dan kaum Tua.'¹⁰

Lanjutan dari pertentangan fahaman di kedua belah pihak itu, telah menimbulkan kecurigaan pihak British terhadap pergerakan kaum Muda itu. Pergerakan mereka itu disifatkan boleh menggugat kedudukan dan kepentingan British di negara ini. Sebagai langkah mengawal kegiatan mereka itu, pihak British telah melantik seorang Pegawai Perhubungan Melayu pada tahun 1923. Sehubungan dengan itu, ia diarah supaya bertugas dengan pasukan polis negeri Melayu Bersekutu, cawangan perisik. Bertolak

9. Mokhtar Petah, Bangsa Melayu Menggugat Dunia, Pustaka Aman, Kelantan, 1966, hal. 71.

10. Roff, W.R., op.cit., hal. 164.

dari kegiatan dan perkembangan yang berlaku itu, jelas menunjukkan bahawa golongan reformis ini begitu berperanan dan berpengaruh sekali dalam menyedarkan orang Melayu mengenai bangsanya. Dalam pada itu, mereka tidak bergiat khusus dalam politik, kecuali beberapa orang penuntut dari Azhar.¹¹

Sementara itu, Islam dijadikan nukelius perjuangan kepada orang Melayu ke arah kehidupan yang lebih maju dan dinamis. Dalam kebangkitan semangat nasionalisma Melayu, kepentingan dan peranan Maktab Perguruan Tanjung Malim tidaklah dapat dipertikalkan lagi. Ianya telah dibuka pada tahun 1922.¹² Dalam hal ini, ianya merupakan sebagai pusat institusi pengajian Melayu yang memberikan pendidikan peringkat menengah, rendah dan teristimewa ialah sebagai maktab aliran Melayu yang bersifat nasional. Kepentingan dan fungsi maktab ini bukan sekadar dapat melahirkan para lulusan yang berkhidmat kepada negara malahan merekalah sebagai ;

'golongan pertama yang menyemai dan meninggikan kesedaran politik secara terbuka dari kelulusan Melayu.'¹³

Di samping itu, peranan dan sumbangan dari para guru dan tenaga pengajar dari maktab ini tidak kurang pentingnya dalam meniupkan semangat kesedaran nasionalisma di kalangan para

11. Roff, W.R., ibid., hal. 87.

12. Gullick, J.M., Malaya, London, Earnest Benn Limited, Feb, 1963, hal. 71.

13. Funston, N.J., Malay Politics in Malaysia, A Study of Umno & Pas, Kuala Lumpur, 1980, hal. 16.

penuntut ;

'mereka itu termasuklah Abd.Hadi bin Haji Hasan, Zainal Abidin Ahmad, Nordin Hj.Harun, Harun Mohd. Amin, dan lainnya.' ¹⁴

Begitu juga, sokongan dan galakan dari pengetua maktab tersebut ketika itu iaitu O.T.Dusseck, yang turut memberikan kerjasama dan dorongan ke arah kesedaran nasionalisma di kalangan penuntut di maktab itu. Sejajar dengan peranan dan kepentingan maktab ini, sebagai institusi pendidikan Melayu yang pertama di negara ini, peningkatan kesedaran nasionalisma juga mendapat dorongan dan ilham dari arus revolusi di Indonesia .

'tahun 1930 an memperlihatkan satu tahap penting, di mana terdapat beberapa orang nasionalis Melayu telah terpengaruh dengan arus revolusi yang berlaku di Indonesia. Para nasionalis Indonesia itu terlibat dalam pergerakan Parti Nasional Indonesia.' ¹⁵

Dari pengaruh dan perkembangan yang berlaku itu, tidak lah menghairankan jika maktab ini merupakan sebagai pusat kegiatan politik secara tidak langsung di peringkat awalnya. Ini jelas terbukti dengan terbentuknya beberapa buah persatuan penuntut yang bergerak secara tidak langsung di antara tahun 1927 dan 1930 an.

14. Agasta, I.K., op.cit., hal.59.

15. Ratnam, K.J., op.cit., hal.14.

Walaupun begitu, kegiatan dan pergerakannya kian lenyap setelah para pemimpinnya telah keluar dari maktab tersebut. Umpamanya Ibrahim Hj. Yaacob yang berkhidmat sebagai guru setelah lulus dari institusi ini. Kemasukan tokoh politik ini sering dihubungkan dengan pertumbuhan beberapa pertubuhan radikal yang bergerak di bawah tanah antara tahun 1927 hingga 1930 an, terutama di kalangan intelijensia berpendidikan Melayu.¹⁶

Adalah diketahui bahawa tokoh-tokoh guru Melayu inilah yang turut sama memainkan peranan bersama-sama dengan golongan wartawan sebagai kritikus masyarakat yang gigih, membicarakan dengan lantang mengenai kepincangan masyarakat Melayu ketika itu. Sehubungan dengan ini, ternyatalah bahawa terdapatnya hubungan antara ahli Parti Nasional Indonesia dengan beberapa kalangan penuntut maktab ketika itu. Secara tidak langsung ianya telah membantu ke arah peningkatan semangat kesedaran nasionalisma di kalangan mereka itu. Sementara itu, Parti Nasional yang ditubuhkan oleh Ir. Soekarno dalam tahun 1927 itu, telah merebak keahliannya ke Tanah Melayu. Ini bertepatan pula dengan kepimpinan Ibrahim sebagai ketua perkumpulan penuntut Maktab Tanjung Malim pada tahun 1930 itu.

16. Means, Gordon P., Malaysia Politics, University of London Press, 1970, hal.23.

' Ibrahim Hj. Yaacob yang menjadi sebagai ketua perkumpulan penuntut ketika itu, telah menjadi ahli Parti Nasional bersama-sama rakannya seperti Hassan Manan, Abd. Karim Rashid dan Isa Mohamad.'¹⁷

Kemuncak dari kebangkitan nasionalisma dalam tahun 30 an itu, secara jelas memperlihatkan bahawa ianya adalah dipelopori oleh golongan yang berfahaman kiri dan agak radikal. Selain dari itu, mereka ini adalah rata-rata dari lepasan MPSI, yang banyak mendapat pengaruh dari gerakan revolusi di Indonesia itu. Sementara itu, golongan yang berfahaman kiri itu bukan saja bersikap anti kepada setiap rupa bentuk kolonialisma yang menguasai politik negara ini, malahan juga tidak bersetuju dengan sikap golongan feodal yang pro-kolonial itu untuk kepentingan mereka semata-mata.

Selain dari MPSI, terdapat pula sebuah institusi beralian Inggeris iaitu Maktab Melayu Kuala Kangsar yang dibuka pada tahun 1903. Para pelajarnya adalah terdiri dari kalangan keluarga Di Raja, bangsawan dan pembesar negeri. Maktab Melayu ini berfungsi untuk melatih para pegawai tadbir kerajaan serta mengasah sifat kepimpinan agar setaraf dengan nilai barat di kalangan para pegawai itu. Namun hasrat dan matlamat yang diharapkan dari maktab ini, tidaklah sebagaimana yang dirangkakan. Tetapi sebaliknya,

17. Ibrahim Hj. Yaacob, Sekitar Malaya Merdeka, Jakarta, 1957, hal. 21.

mereka sepertimana juga dengan lepasan MPSI, yang sememangnya mempunyai kesedaran nasionalisma itu semasa menuntut di institusi tersebut lagi. Kesedaran itu wujud setelah lulusan ini keluar dan bekerja sebagai ahli birokrat. ¹⁸

Dalam pada itu, golongan yang berfahaman kiri serta pro- Indonesia sebenarnya mempunyai cita-cita perjuangan mereka untuk mendapatkan kemerdekaan tanahair dari pihak British. Hasil dari perjuangan cita-cita yang membara itulah, akhirnya mereka menubuhkan sebuah organisasi bercorak politik yang dikenali sebagai Kesatuan Melayu Muda.

'maka dalam tahun 1938, atas permintaan dari pelajar sekolah Tinggi Teknik pimpinan Onan Hj.Siraj, Mustafa Hj.Husain dari Sekolah Pertanian dan beberapa orang lain membentuk Kesatuan Melayu Muda (KMM).' ¹⁹

Dengan tertubuhnya KMM dalam tahun 1938 itu, merupakan titik-tolak penting dalam sejarah pergolakan politik Melayu sebelum Perang Dunia Ke-2. Dari itu, nyatalah bahawa KMM adalah satu-satunya organisasi politik Melayu yang paling matang sebelum tahun 1940 an. Mengenai hal ini, menurut Dr.Cheah bahawa sebelum 1941, hanya terdapat sebuah saja kesatuan Melayu yang bercorak politik telah ditubuhkan oleh Ibrahim Hj. Yaacob serta

18. Funston, N.J., op.cit., hal. 19.

19. Agasta, I.K., op.cit., hal. 72.

beberapa orang yang lain dikenali sebagai KMM, yang cenderung kepada penyatuan Indonesia Raya.²⁰ Nyatalah di sini, bahawa semangat kesedaran nasionalisma Melayu terus berkembang dan menebal di kalangan para nasionalis Melayu dalam usaha mereka untuk menendahkan keutuhan dan kebebasan tanahair dari cengkaman penjajahan. Ini sejajar dengan KMM itu sendiri sebagai sebuah parti radikal Melayu yang mencontohi gerakan Jong Jawa dan Jong Sumatera di Indonesia. Ini bersesuaian sekali dengan dasar pergerakan organisasi KMM yang ;

'...lebih bersikap anti-kolonial dan menentang akan corak pimpinan borjuis feaudalis.'²¹

Dalam konteks ini, adalah jelas menunjukkan bahawa dengan pembentukan KMM itu, merupakan sebagai kemuncak kesedaran nasionalisma politik Melayu awal sebelum 1940 an dan menjadi sebagai landasan kepada perjuangan ideologi politik kemudiannya..

20. Boon Kheng, Cheah, 'Japanese Occupation of Malaya, (1941-45), Ibrahim Hj. Yaacob and The Struggle for Indonesia Raya,' (xerox). hal. 87.

21. Ibrahim Hj. Yaacob, op.cit., hal. 24.